

**TEKS UCAPAN
YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

**SEMPENA
PELANCARAN JUALAN MALAYSIA
DAN
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2020**

**BERTEMPAT DI
TESCO MUTIARA DAMANSARA
MUTIARA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR**

1. **YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM
BIN HAJI AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL
EHWAL PENGGUNA**
2. **YANG BERUSAHA PUAN SUSHMITA PAUL
KETUA PEGAWAI OPERASI (COO)
TESCO MALAYSIA**
3. **YANG BERUSAHA DR. ALAUDDIN BIN SIDAL
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM
NEGERI)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL
EHWAL PENGGUNA**
4. **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN**
5. **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TESCO MALAYSIA**
6. **USAHAWAN-USAHAWAN PKS TEMPATAN**
7. **RAKAN-RAKAN MEDIA**
8. **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN YANG SAYA
HORMATI SEKELIAN**

SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT TENGAH HARI.

1. PERTAMANYA SAYA MENGUCAPKAN SYUKUR KERANA KITA DAPAT BERKUMPUL BERSAMA-SAMA UNTUK MENGHADIRI PELANCARAN PROGRAM JUALAN MALAYSIA AND KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2020 BERTEMPAT DI TESCO MUTIARA DAMANSARA PADA HARI INI.

2. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DAN JUGA PIHAK TESCO MALAYSIA YANG TELAH MEMBERIKAN SEPENUH KOMITMEN BAGI MEMASTIKAN PROGRAM PADA HARI INI DAPAT DISEMPURNAKAN DENGAN JAYANYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, PANDEMIK COVID-19 MERUPAKAN SATU DETIK SUKAR DAN CABARAN YANG AMAT GETIR KEPADA NEGARA. IANYA MERUPAKAN SATU WABAK YANG BELUM PERNAH TERJADI DENGAN SKALA YANG SEBEGINI BESAR DAN PASTINYA AKAN MERUBAH PERJALANAN MASA DEPAN NEGARA DAN DUNIA SECARA KESELURUHANNYA. BUAT PERTAMA KALINYA DALAM SEJARAH GLOBAL, HAMPIR SEMUA NEGARA TELAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK 'BERKURUNG' DAN

MENUTUP HAMPIR SEMUA SEKTOR EKONOMI MEREKA. TIDAK TERKECUALI DI MALAYSIA, SEPANJANG LEBIH TIGA BULAN, SEMUA RAKYAT MALAYSIA, SAMA ADA DI BARISAN HADAPAN SEPERTI DOKTOR, JURURAWAT DAN PETUGAS KESIHATAN MAHUPUN PASUKAN KESELAMATAN TELAH BERTUNGKUS-LUMUS TANPA KENAL ERTI PENAT-LELAH BERSAMA-SAMA BERUSAHA MENANGANI PANDEMIK INI.

4. KERAJAAN SEDAR, TEMPOH PEMULIHAN PASCA PKP INI ADALAH AMAT KRITIKAL BAGI MENENTUKAN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT DI MASA AKAN DATANG. BEBERAPA LANGKAH PROAKTIF DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA ATAU PENJANA TELAH MULA DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BAGI MEMBANTU SEMUA PIHAK, PENIAGA KECIL DAN SEDERHANA DAN RAKYAT MALAYSIA SECARA KESELURUHANNYA. PELBAGAI INSENTIF SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG TELAH DIUMUMKAN BERTUJUAN BAGI MEMASTIKAN EKONOMI NEGARA KEKAL BERDAYA SAING DALAM USAHA MERANGSANG DAN MERANCAKKAN SEMULA PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

5. PERDAGANGAN RUNCIT ADALAH MERUPAKAN SALAH SATU SUB-SEKTOR UTAMA YANG MEMBERI SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN DAN SETERUSNYA KEPADA KDNK NEGARA. PADA TAHUN 2019 SEKTOR PERUNCITAN MENCATATKAN NILAI JUALAN SEBANYAK RM537.6 BILION YANG

MANA 30% PENDAPATAN DARIPADA SEKTOR PERKHIDMATAN ADALAH DISUMBANGKAN OLEH SUB-SEKTOR PERUNCITAN.

6. PERKEMBANGAN PESAT SEKTOR PERUNCITAN TELAH MENGALAMI KESAN PENURUNAN YANG KETARA DENGAN PELAKSANAAN PKP BERMULA PADA 18 MAC 2020. BERDASARKAN LAPORAN PRESTASI EKONOMI SUKU PERTAMA TAHUN 2020 YANG DIJALANKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA, SUMBANGAN SEKTOR PERUNCITAN TELAH MEROSOT SEBANYAK RM28.3 BILION PADA SUKU PERTAMA 2020 BERBANDING RM32.4 BILION PADA SUKU KEEMPAT 2019 IAITU PENURUNAN SEBANYAK 13% BERSAMAAN RM4.16 BILION

7. MENYEDARI IMPAK PELAKSANAAN PKP YANG MENYEBABKAN KEMEROSOTAN KEPADA SEKTOR PERUNCITAN DALAM NEGARA, KEMENTERIAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH PROAKTIF BAGI MEMASTIKAN SEKTOR INI KEMBALI BERDAYA SAING DAN MAMPU MENGEKALKAN SUMBANGAN BESAR KEPADA EKONOMI NEGARA. DALAM HAL INI, KEMENTERIAN INI TELAH MENGENALPASTI DAN AKAN MENGGERAKKAN DUA INISIATIF YANG BERPOTENSI UNTUK MERANCAKKAN SEKTOR PERUNCITAN DI SAMPING MENGEMBALIKAN PERMINTAAN PASARAN DALAM NEGARA IAITU MELALUI KEMPEN JUALAN MALAYSIA DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2020 INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

8. KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) ADALAH MERUPAKAN SEBUAH INISIATIF YANG TELAH DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN SEJAK TAHUN 1984 DAN TELAH DIBERIKAN TANGGUNGJAWAB UNTUK DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP). KEMPEN KBBM INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK **MEMPERKUKUHKAN PERBELANJAAN DOMESTIK DENGAN MENGGALAKKAN PENGGUNA DI MALAYSIA UNTUK MEMBELI BARANGAN TEMPATAN SELAIN UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PATRIOTISME RAKYAT MALAYSIA** BAGI MENGUTAMAKAN BARANGAN KELUARAN MALAYSIA.

9. JUSTERU, KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MEMPERKASAKAN KBBM BAGI TAHUN INI ADALAH SANGAT TEPAT UNTUK MENGIMBANGI CABARAN EKONOMI SEMASA KHUSUSNYA BAGI MERANCAKKAN DAN MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK. **ANTARA STRATEGI DAN KAEDAH YANG PALING BERKESAN ADALAH MELALUI PENGANJURAN PAMERAN JUALAN DAN PROMOSI BARANGAN BUATAN TEMPATAN SECARA TERUS KEPADA PENGGUNA** YANG DAPAT MENINGKATKAN KESEDARAN PARA PENGGUNA TENTANG KEWUJUDAN PRODUK TEMPATAN DAN SEKALIGUS MENGGALAKKAN PEMBELIANNYA.

10. OLEH ITU, MELALUI KEMPEN INI, KEMENTERIAN BERHASRAT UNTUK MEMBANTU PENGUSAHA TEMPATAN DALAM MEMASAR DAN MEMPERLUASKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

MEREKA SELAIN MEMBERIKAN DORONGAN KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN DALAM MENGHASILKAN PRODUK-PRODUK TEMPATAN YANG SETANDING DENGAN PRODUK LUAR NEGARA YANG DIIMPORT.

11. SEJAJAR DENGAN HASRAT INI, KEMENTERIAN MELALUI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PADA TAHUN INI TELAH MELAKSANAKAN PELBAGAI STRATEGI DAN MEKANISMA DALAM MEMPERKENALKAN PRODUK-PRODUK PKS TEMPATAN KE DALAM SEKTOR PERUNCITAN MELALUI KERJASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT PERUNCITAN UTAMA DI NEGARA INI, SEHINGGALAH PRODUK-PRODUK TEMPATAN INI MAMPU MENEMBUSI PASARAN *HYPERMARKET*, PASAR RAYA DAN KEDAI SERBANEKA DI SELURUH NEGARA. INISIATIF INI SEKALIGUS DAPAT MEMBANTU PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN MEMPERLUASKAN PASARAN BAGI PRODUK KELUARAN MEREKA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

12. BAGI **KEMPEN JUALAN MALAYSIA** ATAU NAMA RINGKASNYA KJM PULA, IANYA MERUPAKAN **SEBUAH KEMPEN JUALAN PERINGKAT KEBANGSAAN YANG AKAN DIADAKAN SEPANJANG TAHUN, BERMULA BULAN JULAI 2020 SEHINGGA DISEMBER 2020. KJM 2020 MEMFOKUSKAN JUALAN MENGIKUT TEMA DAN SEGMENT PRODUK YANG BERBEZA PADA SETIAP BULAN SERTA DIJUAL PADA HARGA DISKAUN. KONSEP INI SECARA TIDAK LANGSUNG AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA**

PENGGUNA MEMBUAT PERANCANGAN PEMBELIAN DAN SETERUSNYA MAMPU MENINGKATKAN JUALAN SEGMENT PERUNCITAN YANG TERJEJAS SEPANJANG PKP.

13. KJM 2020 AKAN MERANGSANG DAN MENGHIDUPKAN SEMULA AKTIVITI SEKTOR PERUNCITAN DALAM NEGERI DI SELURUH NEGARA MELALUI KONSEP JUALAN DENGAN PELBAGAI SEGMENT PRODUK SEPERTI ICT DAN *GADGET, SHOPPING STREET/SHOPPING DISTRICT*, FESYEN & KOSMETIK, GAYA HIDUP, PERABOT DAN KELENGKAPAN RUMAH, E-DAGANG, FRANCAIS DAN JUALAN LANGSUNG SERTA JUALAN BARANGAN SEKOLAH.

14. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BAGI TUJUAN PELAKSANAAN KBBM DAN KJM INI KEMENTERIAN AMAT TERUJA DENGAN SOKONGAN YANG DITERIMA DARIPADA PIHAK TESCO MALAYSIA YANG TELAH MEMBERIKAN KOMITMEN DALAM MEMBANTU MENJAYAKAN INISIATIF INI. **SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA TESCO MALAYSIA TELAH BANYAK MEMBANTU MEMBERIKAN LALUAN DAN TEMPAT KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN JENAMA TEMPATAN DI ENAM PULUH (60) BUAH OUTLET TESCO DI SELURUH NEGARA.** SAYA SANGAT MENYAMBUT BAIK DAN MENGHARGAI USAHA YANG DILAKUKAN TESCO MALAYSIA DAN BERHARAP IANYA AKAN DAPAT DITURUTI OLEH PERUNCIT-PERUNCIT YANG LAINNYA. SAYA PERCAYA, SEKIRANYA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH AGRESIF LAGI PADA TAHUN INI, TIDAK MUSTAHIL PERATUS PENINGKATAN INI AKAN LEBIH BESAR DAN KETARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

15. SAYA DIMAKLUMKAN OLEH PIHAK TESCO MALAYSIA BAHAWA PADA PROGRAM PELANCARAN HARI INI, **SEJUMLAH DUA PULUH (20) BUAH SYARIKAT PKS TEMPATAN TURUT DIBERIKAN PELUANG UNTUK MEMPAMERKAN PRODUK MEREKA DI BOOTH-BOOTH PAMERAN YANG BERLANGSUNG BAGI TEMPOH EMPAT HARI IAITU PADA 13 OGOS SEHINGGA 16 OGOS 2020. MEREKA INI JUGA KEBANYAKKANNYA TELAH DISENARAIKAN DI OUTLET-OUTLET TESCO DI SELURUH NEGARA DENGAN DIKECUALIKAN DARIPADA DIKENAKAN YURAN PENYENARAIAN (*LISTING FEE*).** SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK TESCO KERANA MEMAHAMI HASRAT KERAJAAN DALAM MEMBANGUNKAN LEBIH BANYAK USAHAWAN PKS TEMPATAN KHUSUSNYA PKS BUMIPUTERA UNTUK MENEMBUSI SEKTOR *HYPERMARKET* DI MALAYSIA.

16. PADA HARI INI JUGA SAYA DIFAHAMKAN **PIHAK TESCO MALAYSIA AKAN MEMBERIKAN PENGIKTIRAFAN KEPADA 10 PEMBEKAL PKS TEMPATAN BERPRESTASI TINGGI YANG TELAH MENCATATKAN NILAI JUALAN TAHUNAN YANG MELEBIHI SATU JUTA RINGGIT.** SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA USAHAWAN-USAHAWAN PKS YANG BERKENAAN!

17. SEBAGAI MAKLUMAN KEPADA PARA HADIRIN, SELAIN DARIPADA TESCO, BAGI KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI,

KEMENTERIAN TURUT MENERIMA KERJASAMA DAN SOKONGAN DARIPADA PERUNCIT-PERUNCIT UTAMA DI NEGARA INI DAN JUGA DARIPADA PERNIAGAAN ATAS TALIAN *MARKETPLACE* SEPERTI LAZADA, SHOPPEE DAN PG MALL. SAYA YAKIN BAHAWA MELALUI LEBIH RAMAI PENYERTAAN DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT DALAM KEMPEN KBBM INI AKAN MENJADI LEBIH MERIAH, SEKALIGUS DAPAT MEMBANTU MENJAYAKAN KEMPEN INI DENGAN LEBIH BERKESAN.

18. AKHIR KATA, SAYA BERHARAP AGAR SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT TERMASUK AGENSI-AGENSI KERAJAAN, RAKAN-RAKAN STRATEGIK DAN PIHAK INDUSTRI YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA INI AKAN TERUS BERSAMA-SAMA MENYOKONG KEMPEN INI UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF YANG TELAH DITETAPKAN.

19. DENGAN INI, SAYA MELANCARKAN PROGRAM JUALAN MALAYSIA DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2020.

SEKIAN, SALAM HORMAT DAN TERIMA KASIH.